

Oldinawai Sekurang-kurangnya 30 penyu hijau ditemukan mati di sebuah pantai di Kumejima, Jepun.

Haiwan itu ditemukan mati oleh penduduk tempatan dengan kesan tikanan di leher.

Bangkai penyu itu ditemukan terdampar di pantai minggu lalu, ketika air surut.

Seorang nelayan mengaku mencederakan penyu itu dengan alasan untuk melepaskan haiwan berkenaan yang tersekat pada jaring.


Kejadian itu kini sudah mendapat perhatian polis dan siasatan lanjut sedang giat dijalankan.

“Saya melepaskan beberapa penyu ke dalam laut, tetapi saya tidak dapat membebaskan penyu bersaiz besar.

“Jadi saya menikam penyu itu untuk mengeluarkannya dari jaring,” kata seorang nelayan yang enggan namanya didebakkan.

30 penyu hijau mati ditikam dileher

Hm 22/7/2022 ms: 32



ANTARA penyu ditemukan di lokasi kejadian. - AFP

Media tempatan melaporkan polis sudah menghantar pegawai ke lokasi kejadian minggu lalu namun masih

tidak dapat dipastikan tindakan yang diambil pihak berkuasa.

Penyu hijau disenaraikan

dalam senarai haiwan yang terancam di Jepun dan kumpulan pemuliharaan global.
- Agensi